



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



KRAFTANGAN
MALAYSIA

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my | KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN OUTLET BAHARU KARYANEKA

KUALA LUMPUR, 16 JUN 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Kraftangan Malaysia dan anak syarikatnya iaitu Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. (Karyaneka) telah mengadakan **Majlis Perasmian Outlet Baharu Karyaneka di Muzium Negara**. Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya **pada 16 Jun 2023 (Jumaat), pukul 4.00 petang**. Turut hadir Yang Berusaha Puan `Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia dan Yang Berbahagia Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia.

Karyaneka ditubuhkan pada tahun 1982 yang berperanan mempromosi dan memasarkan produk kraf tempatan daripada usahawan dan komuniti kraf seluruh negara. Pembukaan outlet baharu Karyaneka di Muzium Negara merupakan usaha berterusan untuk memasarkan produk kraf kepada pengguna. Sehingga kini Karyaneka mempunyai 10 outlet yang beroperasi sepenuhnya iaitu di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Kompleks Kraf Langkawi, Kompleks Kraf Johor, Kompleks Kraf Melaka, Malaysia Tourism Centre (MaTiC) Jalan Ampang, Dataran Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Parlimen Malaysia serta termasuk di Muzium Negara.

Sempena dengan pembukaan outlet baharu, Karyaneka memberikan diskaun 10% bagi setiap pembelian produk kraf dan produk mangkuk tingkat (*tiffin*) PERCUMA untuk setiap pembelian sekurang-kurangnya RM250. Karyaneka menawarkan produk kraf yang autentik dan beridentiti Malaysia bagi segmen

produk cenderamata, hiasan dalaman, perhiasan diri, fesyen dan tekstil serta hiasan laman dan taman.

Selain daripada outlet fizikal, pembelian secara dalam talian juga boleh didapati di www.karyaneka.com.my. Karyaneka turut menyediakan perkhidmatan tempahan produk cenderamata kepada badan-badan korporat, swasta dan agensi kerajaan secara bersemuka. MOTAC berharap dengan pembukaan outlet baharu Karyaneka di Muzium Negara, kepelbagaian produk kraf tempatan dapat ditawarkan kepada pelancong dalam dan luar negara. - **TAMAT**